



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Mahkluk Perosak Pertanian dan
Tumbuhan-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1976**

DR.27/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya (Pindaan) 1984. Tajuk ringkas.

2. Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976 yang, apabila Akta ini mula berkuatkuasa, bolehlah dinamakan Akta Kuarantin Tumbuhan 1976, dan yang dalam Akta ini disebut "Akta ibu", adalah dipinda dengan menggantikan tajuk panjang dengan tajuk panjang yang berikut: Pindaan tajuk panjang. Akta 167.

"Suatu Akta bagi meminda dan menyatukan undang-undang berhubungan dengan pengawalan, pencegahan dan penghapusan makhluk perosak pertanian, tumbuh-tumbuhan berbahaya dan penyakit-penyakit tumbuhan dan bagi meluaskan kerjasama dalam mengawal pergerakan makhluk perosak dalam perdagangan antarabangsa dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya."

3. (1) Subseksyen (1) seksyen 1 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuhan Berbahaya, 1976" dengan perkataan-perkataan "Akta Kuarantin Tumbuhan 1976". Pindaan seksyen 1.

(2) Apabila Akta ini mula berkuatkuasa, apa-apa sebutan di bawah mana-mana undang-undang bertulis mengenai Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976 hendaklah disifatkan sebagai sebutan mengenai Akta Kuarantin Tumbuhan 1976.

Pindaan
seksyen 2.

4. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Malaysia Barat,” dalam tafsiran perkataan-perkataan “kawasan komponen” perkataan-perkataan “Wilayah Persekutuan Labuan,”;

(b) dengan memasukkan selepas perkataan “vairas” dalam tafsiran perkataan-perkataan “makhluk perosak” perkataan-perkataan “, viroid, organisma seakan-akan mikoplasma, rumpai,”;

(c) dengan memasukkan selepas tafsiran perkataan “Menteri” tafsiran yang berikut:

“organisma berfaedah” ertinya apa-apa haiwan invertebrat (termasuk telur haiwan itu), kulat, bakteria, virus, atau apa-apa organisma lain yang berfaedah pada pertanian dan yang tidak berupaya merosakkan tumbuh-tumbuhan;”;

(d) dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “Malaysia Barat” dalam tafsiran perkataan “Pengarah” perkataan-perkataan “yang juga bertanggungjawab mengenai Wilayah Persekutuan Labuan”; dan

(e) dengan memasukkan selepas tafsiran perkataan “tanah” tafsiran yang berikut:

“tanah” ertinya apa-apa tanah, bumi atau bahan organik dan galian yang terdapat semula jadi di mana tumbuh-tumbuhan boleh ditanam;”.

Pindaan
seksyen 7.

5. Subseksyen (1) seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan-perkataan “yang kepadanya telah disampaikan suatu notis di bawah seksyen 6” perkataan-perkataan “atau subseksyen (1) seksyen 12”.

6. Subseksyen (1) seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “satu ribu ringgit” dengan perkataan-perkataan “sepuluh ribu ringgit”.

Pindaan
seksyen 8.

7. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

Pindaan
seksyen 13.

“(5) Jika semasa menjalankan dengan sempurna fungsinya mentadbirkan peruntukan-peruntukan Akta ini kerugian atau kerosakan berlaku mengenai tumbuh-tumbuhan, barang-barang, tanah atau organisma-organisma lain, kerajaan dan setiap orang yang diberi kuasa di bawah Akta ini hendaklah terkecuali dari segala tuntutan untuk mendapatkan pampasan bagi kerugian atau kerosakan itu.”.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 19 seksyen yang berikut:

Seksyen
baru 19A.

“Penalti
am.

19A. Sesiapa yang melakukan atau cuba melakukan, atau menyebabkan atau membenarkan dilakukan, atau bersubahat dalam, sesuatu perbuatan yang berlawanan dengan, atau tidak mematuhi, peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, jika tiada penalti diperuntukkan dengan nyatanya, dikenakan denda tidak lebih daripada sepuluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau kedua-duanya.”.

Pindaan
seksyen 23.

9. Subseksyen (1) seksyen 23 adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (f) dengan perenggan yang berikut:

“(f) mengawal, dan syarat-syarat bagi mengimport atau mengeksport makhluk perosak, organisma berfaedah, tumbuhan dan tanah bagi maksud mengawal dan mencegah makhluk perosak tumbuhan;”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda tajuk panjang Akta untuk menyatukan dengan lebih jelas lagi matlamat Akta mengenai pencegahan kemasukan makhluk-makhluk perosak ke dalam negara ini. Pindaan ini juga bertujuan membuat peruntukan bagi meluaskan kerjasama antarabangsa dalam mencegah pergerakan makhluk-makhluk perosak dalam perdagangan antarabangsa.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda tajuk ringkas Akta supaya ianya lebih konsisten dengan pindaan yang dicadangkan kepada tajuk panjang. Pindaan yang dicadangkan akan juga membolehkan tajuk itu difahami di peringkat antarabangsa.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 2 Akta untuk memasukkan tafsiran perkataan-perkataan “organisma berfaedah”. Ia juga bertujuan meminda tafsiran perkataan-perkataan “makhluk perosak” dengan memasukkan viroid, organisma seakan-akan mikoplasma, dan rumpai. Viroid dan organisma seakan-akan mikoplasma adalah patogen tumbuhan yang baru ditemui. Rumpai telah tertinggal dengan tak sengaja dari tafsiran itu. Fasal ini juga bertujuan mengisytiharkan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai satu daripada kawasan komponen memandangkan penubuhan Wilayah Persekutuan itu. Pindaan kepada tafsiran perkataan “Pengaruh” adalah dicadangkan untuk menjelaskan bahawa kawasan komponen Wilayah Persekutuan Labuan terletak dalam bidang kuasa Ketua Pengarah Pertanian bagi Malaysia Barat. Fasal ini juga bertujuan memasukkan tafsiran perkataan “tanah” memandangkan pindaan yang dicadangkan kepada seksyen 23 Akta.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 7 Akta untuk memasukkan perkataan-perkataan “atau subseksyen (1) seksyen 12” yang telah tertinggal dengan tak sengaja.

6. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 8 Akta untuk menambah penalti dari seribu ringgit menjadi sepuluh ribu ringgit. Penalti yang ada tidak seimbang dengan kerugian dan belanja yang biasanya akan ditanggung disebabkan oleh keengganan mengambil tindakan yang dikehendaki di bawah seksyen 6 dan 12. Adalah

diharapkan tambahan yang dicadangkan akan membolehkan langkah-langkah yang lebih berkesan diambil bagi melindungi tanam-tanaman jika berlaku kerebakan sesuatu makhluk perosak berbahaya.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 13 Akta dengan memasukkan subseksyen baru (5) untuk memberi kerajaan dan orang-orang yang diberi kuasa di bawah Akta perlindungan yang cukup dari apa-apa tuntutan bagi mendapatkan pampasan bagi apa-apa kerugian atau kerosakan kepada tumbuh-tumbuhan, barang-barang, tanih atau organisma-organisma lain, yang terjadi semasa menjalankan dengan sempurna fungsi-fungsi mereka di bawah Akta.

8. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 19A untuk mengadakan penalti am berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang penaltinya tidak diperuntukkan dengan nyatanya.

9. *Fasal 9* bertujuan meminda perenggan (f) subseksyen (1) seksyen 23 untuk membolehkan import dan eksport organisma berfaedah dan tanih dikawalselia.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1293.]